



GARIS PANDUAN LHDNM

PERMOHONAN PELEPASAN SEMENTARA SEKATAN PERJALANAN DI BAWAH SEKSYEN 104 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 / SEKSYEN 22 AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

1. Pembayar cukai adalah dinasihatkan untuk menyemak laman web Jabatan Imigresen Malaysia www.imi.gov.my bagi memastikan sama ada sekatan perjalanan dikenakan atau tidak sebelum tarikh perjalanan ke luar negara.
2. Sekatan perjalanan yang dikuatkuasakan oleh LHDNM akan dibatalkan jika cukai dapat dijelaskan dengan sepenuhnya. Jika tidak, pembayar cukai masih boleh memohon pelepasan sementara perjalanan ke luar negara bagi sesuatu tempoh yang dibenarkan.
3. Permohonan pelepasan sementara hendaklah mengikut peraturan berikut:
 - 3.1 Pembayar cukai atau wakil perlu hadir di cawangan LHDN yang mengendalikan fail pembayar cukai sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh perjalanan ke luar negara untuk menguruskan permohonan pelepasan sementara. Pembayar cukai yang meninggalkan negara tanpa surat pelepasan dan dihalang perjalanan di pintu keluar masuk Imigresen boleh menghubungi cawangan LHDNM yang terdekat untuk membuat permohonan tersebut.
 - 3.2 Destinasi, tujuan dan tempoh ke luar negara dimaklumkan.
 - 3.3 Pembayar cukai yang menghadapi masalah kewangan perlu mengemukakan penyata bank terkini dan aliran tunai untuk menyokong permohonan semasa berunding dengan pegawai LHDN.
 - 3.4 Jika 50% tuntutan pada sijil sekatan perjalanan dijelaskan dan bayaran ansuran bagi baki disetujui, cawangan akan meluluskan permohonan. Apa-apa perbezaan bagi mencapai 50% tuntutan ini perlu dibuat secara tunai atau bank draf.

- 3.5 Jika 50% amaun tuntutan tidak dapat dijelaskan, Cawangan akan mengemukakan kes kepada Pejabat Pengarah Negeri atau Ibu Pejabat untuk dipertimbangkan.
4. Bagi pembayar cukai yang telah diisytiharkan bankrap, surat kelulusan meninggalkan Malaysia dari Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) perlu dikemukakan. Permohonan diluluskan tanpa bayaran dan tempoh yang dibenarkan tidak melebihi tempoh yang diluluskan oleh JIM.
 5. Surat pelepasan sementara yang dikeluarkan akan menetapkan tempoh pelepasan dibenarkan.
 6. Pembayar cukai hendaklah membawa surat LHDNM tersebut ke Jabatan Imigresen Malaysia untuk mendapatkan Surat Kemudahan (*Facility Letter*).
 7. Bagi mengelakkan sebarang kesulitan dan memudahkan perjalanan ke luar negara, pembayar cukai dinasihatkan untuk membawa Surat Kemudahan ini bersama semasa melalui pintu keluar masuk Imigresen.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

17 September 2009